KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	10/12/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JMG			

Eksport pasir dibenar

BH
10.12.2021_14

Aktiviti pengeksportan pasir sungai dibenarkan mengikut kes berdasarkan permohonan dikemukakan syarikat, kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan.

Beliau berkata, kelulusan pengeksportan pasir dikeluarkan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) adalah khusus bagi tapak konsesi diluluskan pihak berkuasa negeri.

"Pemohon perlu terlebih dahulu mendapatkan kelulusan sumber pasir sungai (konsesi) daripada pihak berkuasa negeri dan melengkapkan semua dokumentasi teknikal dan kemudiannya disemak dan dinilai secara teknikal oleh Jawatankuasa Teknikal Pengeksportan Pasir Ke Luar Negara (JKTEP) yang turut membabitkan Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan lain-lain yang dijemput mengikut keperluan," katanya.